

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 14 JULAI 2015 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Percepat salur bantuan	Berita Harian
2.	Amaran angin kencang dan laut bergelora sehingga Jumaat	BERNAMA
3.	Gempa bumi kecil berlaku di Ranau, Sabah	BERNAMA
4.	Planetarium Negara ditutup lima hari bermula Khamis sempena Aidilfitri	BERNAMA
5.	Big data a big deal in business	New Straits Times

Percepat salur bantuan

» *Shafie mahu peruntukan mangsa gempa disegerakan*

Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Mohd Nazllie Zainul
bhnews@bh.com.my

► Ranau

Jabatan dan agensi kerajaan berkaitan diminta memastikan tiada kerehnan birokrasi dalam penyaluran peruntukan kepada mangsa gempa bumi di Sabah, sekali gus membolehkan bantuan dipercepatkan.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, berkata ia penting bagi memastikan mangsa gempa bumi dan banjir lumpur dapat hidup lebih selesa, terutama mereka yang kini terpaksa tinggal dalam khemah berikutan kediaman tidak selamat diduduki.

“Apa yang penting mesti ada penyelarasan oleh pihak ber-

kaitan dan seboleh-bolehnya peruntukan diminta secara terus kepada kementerian berkenaan untuk kelulusan segera kerana masalah rakyat mesti diselesaikan dengan cepat,” katanya ketika taklimat gempa bumi Sabah di Taman Kinabalu di sini, semalam.

Peruntuk RM4 juta

Yang turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin serta Pembantu Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sabah merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kundasang, Datuk Dr Joachim Gunsalam.

Mohd Shafie berkata, kementeriaannya memperuntukkan lebih RM4 juta bagi membaik pulih jalan kampung yang rosak akibat gempa bumi, selain penyediaan bekalan air bersih yang terjejas disebabkan banjir lumpur.

Beliau meminta Jabatan Kerja Raya (JKR) mencari kaedah menyediakan rumah transit atau penginapan sementara di bawah Majlis Keselamatan Negara dengan segera kepada mangsa gempa bumi khususnya di Ibu Pejabat



Mohd Shafie bersama Ewon (kiri) ketika **meninjau TABIKA yang rosak** di Kampung Kinasaraban. [FOTO MALAI ROSMAH TUAH/BH]

Polis Daerah (IPD) Ranau.

Beliau juga mencadangkan supaya Taman-Taman Sabah (TTS) menyediakan rumah perlindungan di sepanjang laluan pendakian di Gunung Kinabalu supaya pendaki dapat berlindung daripada runtuhannya batu jika berlaku gegaran

pada masa depan.

Sementara itu, Mohd Shafie berkata, pengurusan TTS dan agensi berkaitan perlu memperkasa program kesedaran serta pemahaman dan latihan kepada penduduk di kaki Gunung Kinabalu untuk berdepan bencana itu.



Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Sehingga Jumaat

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Angin kencang barat daya yang berlaku di kawasan perairan Phuket dijangka berterusan sehingga Jumaat ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan hari ini berkata angin kencang dengan kelajuan 40-50 kmsj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut serta sukan laut.

Kejadian ribut petir di perairan Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor Barat, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang pula dijangka berterusan sehingga lewat pagi ini.

Keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter, juga berbahaya kepada bot-bot kecil, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 14 JULAI 2015 (SELASA)



Gempa Bumi Kecil Berlaku Di Ranau, Sabah

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Satu gempa bumi kecil berukuran 3.2 pada skala Richter berlaku pada pukul 10.38 malam ini di Ranau Sabah, menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#).

Kenyataan jabatan itu menyebut, pusat gempa itu terletak di 6.1 darjah utara dan 116.7 darjah timur, kira-kira 327km di barat laut Tarakan, Indonesia dan 11km di utara Ranau.

Gegaran juga dirasai di Ranau.

Jabatan itu akan mengeluarkan maklumat tambahan mengenai gempa ini.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 14 JULAI 2015 (SELASA)



Planetarium Negara Ditutup Lima Hari Bermula Khamis Sempena Aidilfitri

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Planetarium Negara akan ditutup sementara selama lima hari mulai Khamis ini.

[Agensi Angkasa Negara \(ANGKASA\)](#) dalam kenyataan hari ini berkata penutupan sementara itu adalah bersempena sambutan Aidilfitri.

Planetarium Negara akan kembali beroperasi seperti biasa pada 21 Julai (Selasa), demikian menurut kenyataan itu di sini.

-- BERNAMA

